

LOGO BAHARU
PENJENAMAAN SEMULA
KPWKM

**5 AGENDA CEGAH
ANCAMAN SIBER**

OSC KPWKM
TAWAR SISTEM PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN YANG LEBIH CEKAP

**PEMERKASAAN
MELALUI PERNIAGAAN
SOSIAL - AGENDA ASEAN**



Kerja
Kerjaya

Kehidupan
Keluarga



FLEXIBLE WORKING ARRANGEMENT

“Walk The Talk”

Tingkatkan produktiviti.

Seimbangkan tuntutan kerjaya dan keluarga anda.

Diterbitkan oleh
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**
NO. 55, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA
www.kpwkm.gov.my

ISSN 2289-9502

© KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT, 2015

Penerbitan Suku Tahunan

Cetakan Edisi Pertama 2015

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian artikel, foto dan isi
kandungan buku ini dalam apa jua bentuk
dan apa juga cara sama ada dalam
bentuk elektronik, fotokopi, mekanikal,
rakaman atau cara lain sebelum
mendapat izin bertulis daripada penerbit.

SIDANG REDAKSI

Penaung |
YBhg. Dato' Sabariah Hassan
Ketua Pengarang |
Kamarul Farid Kamaruddin
Editor |
Norhazuren Halid
Pengarang |
Suzana Md Jamin
Jurufoto |
Mohd Kamal Mohd Salleh

**Unit Komunikasi Korporat,
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**
Aras 35, Menara KPWKM,
No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA

☎ : 03-8323 1089

☎ : 03-8323 2000

✉ : info@kpwkm.gov.my

KANDUNGAN

- 2 Titipan Kasih Bersama YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim
- 4 *Flexible Working Arrangement* Maksimumkan Manfaat Kepada Kaum Wanita
- 6 APA KATA MEREKA?
- 7 Penjenamaan Semula Dengan Logo Baharu
- 8 5 Agenda Cegah Ancaman Siber

BERITA UTAMA

- 10 645 Kakitangan KPWKM Terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- 11 OSC KPWKM Tawar Sistem Penyampaian Perkhidmatan Lebih Cepak
- 12 Strategi NBOS Tumpu Kerjasama Kerajaan, NGO dan Sektor Korporat
- 13 Pembaharuan Tahun 2015
- 14 Program SATU - SUARA ANDA TANGGUNGJAWAB UTAMA
- 16 234 Sukarelawan #KPWKM Prihatin Terima Sijil Penghargaan
- 18 Pemerkasaan Melalui Perniagaan Sosial – Agenda ASEAN
- 19 Dato' Sri Rohani Terima Anugerah Government Leadership Award di Global Summit of Women 2015

BERITA AGENSI

- 20 *Make it Happen!*
- 22 Wanita: Psikologi Dalam Kepimpinan
- 24 SAYA SAYANG KELUARGA SAYA
Tema Jelajah Keluarga Bahagia 2015
- 26 Sambutan Hari Ibu
- 28 PAWE dan PDK Lahirkan Masyarakat Aktif, Positif dan Produktif
- 29 Produk Rekabentuk Sejagat Mesra Pengguna
- 30 *Career Comeback!*
- 31 *JOB COACH*
Peluang Kerjaya Kepada Golongan OKU


LENSA

- 32 Diari Aktiviti Dan Program

TIPS

- 44 Terbitan Terkini @Perpustakaan KPWKM
- 46 5 Teras Keluarga Bahagia

Titipan Kasih bersama YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim



"Sudah tiba masanya kita melaksanakan penjenamaan semula KPWK dengan mengkaji semula dan menjajarkan sistem penyampaian kita supaya 'core business' kita masih relevan untuk membekalkan perkhidmatan kebajikan kepada semua kumpulan sasar."

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh Salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menintakan sepatah dua kata di atas penerbitan Buletin Kasih KPWK edisi pertama bagi tahun 2015.

Alhamdulillah, kita telah melalui tahun 2014 dengan penuh kejayaan yang gemilang. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekalung tahniah kepada semua anggota Kementerian serta seluruh agensi di atas komitmen dan kerja kuat untuk menjayakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun lalu. Kejayaan ini bukanlah bermakna kita sudah boleh mendabik dada tetapi ianya adalah kayu pengukur kepada penambahbaikan bagi menghadapi tahun 2015 yang dijangkakan akan lebih mencabar. Justeru, setiap dari kita haruslah sentiasa bersiap siaga dan menggunakan segala pengalaman dan kepakaran yang ada bagi menggalas harapan kerajaan kepada Kementerian ini sejajar dengan dasar yang telah digariskan.

KE ARAH KESEJAHTERAAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Seperti tahun-tahun sebelumnya Kerajaan sentiasa komited bagi memberikan kesejahteraan kepada golongan wanita sejajar dengan Dasar Wanita Negara yang berhasrat menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita. Dalam hal yang demikian, saya merasa amat sukacita kerana Kementerian telah merealisasikan satu fasa transformasi sosial yang besar iaitu pelaksanaan Projek Perintis *Flexible Working Arrangement* pada 15 Mac 2015 bagi membantu wanita mencapai keseimbangan di antara keluarga dan kerjaya. Sesungguhnya reaksi yang diterima daripada masyarakat amat positif dan ia jelas menunjukkan tentang kelebihan waktu kerja anjal ini kepada kaum wanita dalam usaha memenuhi tuntutan tugas dan tanggungjawab menguruskan rumah tangga.

Selain itu, saya turut merasa bangga di atas kejayaan Kementerian ini melalui Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN), melaksanakan Program Jelajah Keluarga Bahagia ke seluruh negara sebagai kempen berterusan bagi tahun ini dalam usaha mengukuhkan institusi kekeluargaan. Bertemakan "Saya Sayang Keluarga Saya", ia sudah semestinya selari dengan Dasar Sosial Negara yang bermatlamat untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju dan mantap dengan setiap anggota masyarakat berpeluang untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum di dalam persekitaran sosial yang sihat.

Begitu juga, tahun 2015 ini memperlihatkan kehidupan masyarakat kian menjadi rumit akibat perubahan sosial yang semakin pesat. Keadaan ini mengakibatkan tekanan hidup bagi sesetengah individu, keluarga, kelompok dan komuniti dalam menghadapi pelbagai masalah baik daripada segi kebajikan mahupun sosial. Adalah menjadi harapan Kerajaan untuk melihat Kementerian ini terus komited dalam menggembelengkan segala usaha untuk mengatasi masalah ini dengan menyuburkan nilai keinsafan dan meningkatkan tahap kemampuan golongan tersebut supaya berkeupayaan menghadapi cabaran semasa. Pendekatan serta peranan yang bercorak rawatan dan pemulihan tidak mencukupi dan haruslah merangkumi segala aspek pencegahan dan pembangunan.

Demikian juga, kepesatan arus teknologi maklumat juga telah banyak mempengaruhi persekitaran sosial Negara. Seperti golongan dewasa, tidak dapat dinafikan bahawa dunia siber

kini menjadi salah satu medium bagi kanak-kanak mengekspresikan diri, mendapatkan informasi, berkongsi cerita, meneroka pengetahuan baru serta meluaskan jaringan perhubungan. Kanak-kanak merupakan aset dan modal insan penting yang akan mencorakkan masa hadapan negara. Modal insan ini hanya dapat dibangun kepada tahap optimum melalui penyediaan persekitaran yang selamat dan kondusif. Dengan kemajuan yang pesat di dalam bidang sains dan teknologi khususnya bidang telekomunikasi, kanak-kanak masa kini mempunyai akses untuk meneroka pengalaman, maklumat dan pengetahuan baru melalui kemudahan internet yang tiada sempadan.

Walau bagaimanapun, tanpa panduan dan pengawasan yang sewajarnya oleh orang dewasa, kanak-kanak adalah berisiko tinggi terdedah kepada ancaman dunia siber memandangkan ia boleh berlaku kepada sesiapa dan di mana-mana sahaja. Justeru atas keprihatinan terhadap kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak, Kerajaan melalui Kementerian ini telah membangunkan satu Pelan Tindakan Perlindungan Terhadap Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber (PTCOP) selaras dengan falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-kanak 2001 yang juga menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak demi kepentingan terbaik mereka. Pelan tindakan ini amat perlu pada masa ini bagi menggalakkan setiap agensi, organisasi, dan anggota masyarakat memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak dalam dunia siber sebagai tanggungjawab bersama.

Akhir kata, saya ingin menyeru seluruh anggota Kementerian untuk terus bekerja keras bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada kumpulan sasar agar setiap transformasi yang dicitakan Kerajaan akan mencapai kejayaan. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penerbitan ini. Saya amat berharap supaya penerbitan ini akan dapat memberikan maklumat yang bermanfaat serta memberikan pendedahan kepada rakyat mengenai aktiviti dan program kementerian yang telah dilaksanakan sehingga ke hari ini. Semoga apa yang kita lakukan pada hari ini akan mendapat ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah S.W.T jua.

Sekian, wabillahaufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

FLEXIBLE WORKING ARRANGEMENT

Maksimumkan Manfaat Kepada Kaum Wanita

Flexible Working Arrangements (FWA) telah dilaksanakan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bermula 15 Mac 2015 dengan tujuan untuk:



Menyediakan persekitaran *Work-Life Balance* kepada pegawai/kakitangan KPWK

Meningkatkan kaedah pengurusan stres di kalangan pegawai dan kakitangan KPWK di rumah dan tempat kerja



Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas oleh pegawai dan kakitangan secara *Outcome-Based*



Mempromosikan suasana konsep bekerja yang lebih proaktif dari segi komunikasi dan peningkatan kualiti kerja

5

Meningkatkan produktiviti pegawai dan kakitangan KPWK dalam organisasi



6

Menambah baik prestasi pegawai dan kakitangan daripada aspek kedatangan pekerja

7

Membantu pegawai dan kakitangan merancang dan mengatur jadual perjalanan ke tempat kerja dan mengelakkan kesesakan waktu puncak trafik



100%

Mengoptimumkan penggunaan sistem teknologi maklumat.

8

Terdapat **3** Pilihan Kaedah Pelaksanaan FWA mengikut kesesuaian dan keperluan:

a. Bekerja dari Rumah (BDR);

Pegawai diberi fleksibiliti untuk melaksanakan tugas di rumah sehari dalam seminggu.

b. Flexible Working Hours (FWH);

Pegawai/kakitangan diberi fleksibiliti untuk hadir lewat dan pulang awal mengikut waktu bekerja masing-masing dan memenuhi jumlah tempoh waktu bekerja 38 jam dan 30 minit. Pegawai/kakitangan perlu berada di pejabat pada waktu teras iaitu jam 10.00 pagi hingga 3.30 petang; dan



c. Modified Compressed Work Week (Mod-Week).

Pegawai/kakitangan diberi fleksibiliti untuk pelepasan awal pada hari Jumaat dan datang lewat pada hari isnin dengan penggantian masa dibuat pada hari-hari lain.

APA KATA MEREKA?

Flexible Working Arrangement

Saya mencuba kaedah *Flexible Working Hours (FWH)* bagi membolehkan saya menguruskan anak-anak dengan tenang sebelum memulakan tugas pada jam 9.00 pagi dan pulang hanya selepas jam 6.00 petang selaras dengan peraturan FWH yang memerlukan tempoh bekerja 38 jam 30 minit dan berada di pejabat pada waktu teras iaitu 10.00 pagi hingga 3.00 petang

- Suzana Md Jamin -

Dengan mencuba kaedah *Modified Compressed Work Week (Mod-Week)*, saya dapat merancang tugas saya sebelum mengambil kemudahan pelepasan pulang awal pada hari Jumaat bagi menyelesaikan tujuan peribadi

- Mohd Ishamudin Ismail -

Pelaksanaan kaedah *Mod Week* mambantu saya agar tugas dapat diselesaikan dengan segera bagi memudahkan saya membuat perancangan untuk pulang ke kampung halaman pada hujung minggu menggunakan kemudahan pelepasan awal pada hari jumaat

- Hazliza Abdul Aziz -



PENJENAMAAN SEMULA DENGAN LOGO BAHARU

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT

Penjenamaan semula kementerian dilaksanakan seiring dengan Pelan Transformasi 2015-2020 bagi mengkaji semula dan menajarkan sistem penyampaian perkhidmatan kementerian sentiasa relevan untuk membekalkan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasar. Salah satu inisiatif penjenamaan semula adalah rekaan baharu logo kementerian.



Strelitzia sp.

Pemilihan motif bunga 'Bird of Paradise' *Strelitzia sp.* digunakan bagi mencerminkan sifat komponen dalam Kementerian yang penuh karisma, penuh harmoni serta dinamik dalam setiap gerak kerja yang dipertanggungjawabkan.

Kelopak bunga yang pelbagai warna dan berbentuk manusia melambangkan masyarakat majmuk sebagai satu keluarga besar yang ceria di Malaysia dan saling berganding bahu.

Lapan kelopak bunga kecil menggambarkan lapan golongan sasar Kementerian serta kelopak besar yang menggambarkan sokongan Kementerian kepada keseluruhan golongan sasar ini.

Kelopak ungu bercantum dengan tangkai bunga memberi maksud wanita sebagai tunjang dan akar umbi dalam sesebuah institusi sama ada keluarga, masyarakat, Kementerian mahupun Negara.

Jingga sebagai warna utama menggambarkan sokongan kebajikan yang padu berbakti kepada setiap lapisan masyarakat. Warna ini memenuhi hampir separuh logo kerana kebajikan merupakan agenda terbesar Kementerian. Ungu melambangkan kewanitaan, cinta dan kasih sayang yang universal.

Hijau muda membawa makna potensi yang besar yang ada pada generasi baru yang sentiasa perlu digilap. Merah melambangkan keberanian dan semangat yang utuh yang menjadi tunjang dalam usaha Kementerian memperkasakan seseorang individu, wanita dan seterusnya pembangunan keluarga dan masyarakat.

**'KELUARGA BAHAGIA
NEGARA SEJAHTERA'**

5 AGENDA CEGAH ANCAMAN SIBER

Kabinet baru-baru ini telah meluluskan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak dalam Dunia Siber pada 11 Februari 2015. Pelan tindakan tersebut yang melibatkan kerjasama dan komitmen semua pihak terutamanya ibu-bapa, penjaga, guru termasuk setiap anggota masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan daripada ancaman siber.

Antara ancaman siber yang telah dikenal pasti adalah:

1 Buli Siber (Cyber Bully)

di mana kanak-kanak diancam, diganggu, dihina, dimalukan atau disasarkan oleh kanak-kanak lain dalam dunia siber.



2 CYBER GROOMING

boleh ditakrifkan sebagai proses yang digunakan oleh pesalah laku siber melalui cara berpura-pura berkawan dengan kanak-kanak dalam dunia siber demi mendapatkan kepercayaan hingga mereka tidak menyedari mereka telah dipergunakan.

3 PENCURIAN Identiti (Identity Theft)

di mana seseorang menggunakan maklumat peribadi orang lain secara tidak sengaja atau dicuri bertujuan untuk melakukan penipuan atau jenayah-jenayah lain.



4 PORNOGRAFI

di mana seseorang kanak-kanak boleh diperdaya dengan mudah supaya mempamerkan dirinya dalam keadaan tidak sopan dengan memberikan insentif tertentu.



KEGANASAN 5

di mana kandungan Internet atau laman web mempunyai unsur-unsur keganasan yang mudah diakses oleh kanak-kanak seperti permainan berbentuk peperangan dan pembunuhan.

Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak dalam Dunia Siber menetapkan empat objektif utama iaitu:

1
3

Meningkatkan kesedaran dan komitmen pihak berkepentingan bagi melindungi kanak-kanak dalam dunia siber

Memastikan kanak-kanak yang terlibat dalam ancaman siber mendapat intervensi dan pemulihan

2
4

Melindungi kanak-kanak dari sebarang bentuk ancaman siber

Menguatkan khidmat sokongan dalam mencegah ancaman siber ke atas kanak-kanak



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sewaktu merasmikan Persidangan Serantau Mengenai Perlindungan Kanak-kanak Secara Dalam Talian ke arah Pendekatan Bersepadu anjuran bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan juga UNICEF pada 24 hingga 25 Mac lalu.

645 Kakitangan KPWKM Terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Seramai 645 orang pegawai dan kakitangan Kementerian diraikan pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, bertempat di Putrajaya International Convention Centre, (PICC) pada 10 Mac 2015.

Majlis yang diadakan ini adalah bertujuan bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan anggota Perkhidmatan Awam khususnya kepada warga KPWKM dan agensinya di seluruh negara yang telah menunjukkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang serta memenuhi kehendak kumpulan sasar.

YB Dato' Sri Rohani dalam ucapannya berkata, pegawai dan kakitangan KPWKM dan agensi perlu terus mempertingkatkan lagi usaha, prestasi kerja dan mutu penyampaian perkhidmatan di KPWKM dengan bersaing secara sihat melalui penambahbaikan, berinovasi serta sentiasa berusaha melakukan perubahan secara berterusan dan memberi manfaat kepada rakyat.

"Warga KPWKM perlu sentiasa bersiap siaga untuk berhadapan dengan apa jua situasi yang dijangkakan atau di luar jangkaan.

Pada masa kini, ekspektasi dan kehendak rakyat terhadap mutu perkhidmatan awam sangat tinggi dan sofistikated. Justeru, kerajaan memerlukan penjawat awam yang mempunyai kemahiran berfikir atau 'the thinking public service' bagi merealisasikan dasar-dasar dan agenda transformasi kerajaan yang telah disebar luas dan diketahui oleh rakyat" kata YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim.

Beliau turut mengingatkan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kerja, pegawai dan kakitangan KPWKM tidak harus lupa akan kebajikan diri dan keluarga atau 'Work Life Balance'. Ini bagi memastikan tanggungjawab dilaksanakan secara seimbang terhadap kerja, keluarga, diri sendiri dan masyarakat agar kesejahteraan keluarga dan kualiti hidup dapat dinikmati oleh semua.



Barisan peneraju KPWKM bergambar kenangan selepas Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014

OSC KPWKM Tawar Sistem Penyampaian Perkhidmatan yang Lebih Cepak

Kaunter Pusat Setempat (OSC) KPWKM telah memulakan operasinya pada 12 Mac 2015 bagi membantu masyarakat dalam memudahkan semakan status permohonan, membuat aduan dan pertanyaan mengenai perkhidmatan KPWKM dan agensi termasuk khidmat nasihat dan kaunseling.

Dato' Sri Rohani Abdul Karim berkata, OSC KPWKM merupakan satu pendekatan holistik untuk menawarkan perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan melalui pengurusan interaksi dan perhubungan yang cekap antara organisasi dan pelanggan.

"OSC Kementerian menawarkan khidmat nasihat, menyelaras dan menyemak permohonan pengunjung yang melibatkan Jabatan dan Agensi di bawah KPWKM. Penubuhannya adalah salah satu usaha Kementerian bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan untuk kumpulan sasar Kementerian," katanya selepas merasmikan Kaunter Pusat Setempat (OSC) KPWKM pada 19 Mac 2015.

OSC juga menyediakan Galeria Corner KPWKM bagi ruangan santai para pengunjung untuk mendapatkan bahan informasi mengenai Kementerian dan agensi serta Kiosk KPWKM bagi maklumat korporat Kementerian dan agensi. Sudut Si Comel juga disediakan dengan menempatkan ruangan khas kanak-kanak yang dilengkapi dengan permainan interaktif bagi anak-anak pengunjung OSC yang berusia di antara 3 hingga 12 tahun.

Namun demikian, sebarang permohonan bantuan kebajikan termasuk juga bantuan wang segera dan peralatan barangan kesihatan tidak ditawarkan di OSC ini. Ia perlu dirujuk kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat di Negeri atau Daerah yang berdekatan dengan pemohon. Jelas beliau lagi, semua permohonan baru akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) serta agensi yang berkaitan untuk proses siasatan oleh Pegawai Pembangunan Masyarakat di negeri termasuk melaksanakan proses seterusnya serta status kelulusan permohonan.



STRATEGI NBOS TUMPU KERJASAMA KERAJAAN, NGO DAN SEKTOR KORPORAT

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan terus berusaha menambah baik sistem penyampaian dengan mengamalkan pendekatan inovasi sosial (*social innovation*) bagi meningkatkan kapasiti dan keberkesanan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasaran.

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim ketika berucap merasmikan Majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM kali pertama bagi Tahun 2015 di Dewan Perdana Nur pada 13 Januari 2015 berkata, "Model ini merupakan kolaborasi baru Strategi Lautan Biru (NBOS) yang menumpukan kepada kerjasama Kerajaan, NGO dan sektor korporat dan tidak lagi di kalangan agensi Kerajaan,"

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim juga turut melepaskan kumpulan ketiga Sukarelawan *Smart Team* #KPWKM Prihatin yang akan membantu misi pasca banjir di negeri Perak dan Kelantan dengan penglibatan seramai 74 orang sukarelawan KPWKM dan agensi selepas majlis tersebut. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Dato' Sabariah Hassan serta pegawai-pegawai tinggi yang lain.

"Model ini merupakan kolaborasi baru Strategi Lautan Biru (NBOS) yang menumpukan kepada kerjasama Kerajaan, NGO dan sektor korporat, dan tidak lagi di kalangan agensi Kerajaan,"



YB Menteri memotong pulut kuning sempena sambutan hari lahir beliau dan dan warga KPWKM



Pelepasan Sukarelawan Smart Team #KPWKM Prihatin

PEMBAHARUAN TAHUN 2015

Social Enterprise

Satu pendekatan yang akan membolehkan kumpulan sasaran berdaya melalui aktiviti ekonomi dan membolehkan JKM melaksanakan *exit policy* yang akan mengugurkan kumpulan sasaran yang berjaya daripada senarai penerima.



Deinstitutionalization (DI)

Langkah alternatif berkonsepkan *family-based care* sebagai langkah baru mengatasi masalah sosial dan trauma psikologi di kalangan anak-anak yatim piatu atau anak yang malang.

Outsourcing

Jalanan kerjasama dengan NGO atau enterprise sosial yang mungkin mempunyai idea dan cara alternatif yang inovatif untuk mengambil alih kerja pengurusan institusi di bawah JKM dan JPW.



Pengurusan Bencana

Jalanan kerjasama dengan NGO atau badan yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang Pengurusan Bencana dan menjadikan mereka rakan strategik dalam *Standard Operation Procedure* (SOP) pengurusan bencana yang akan dirangka oleh Kementerian dan agensi-agensi.

Ageing Society

KPWKM akan bertindak secara pro-aktif untuk merangka perancangan dan pelan tindakan bagi mewujudkan *safety net* bagi golongan warga emas dalam menuju status negara tua pada tahun 2030.





PROGRAM SATU SUARA ANDA TANGGUNGJAWAB UTAMA



Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik bagi semua kumpulan sasarannya yang terdiri daripada wanita, keluarga, orang kurang upaya, warga emas, kanak-kanak, orang papa, mangsa bencana alam dan pertubuhan sukarela kebajikan telah mewujudkan program SATU iaitu Suara Anda Tanggungjawab Utama.

Program SATU ini diadakan atas dasar keperihatinan untuk mendengar keluh kesah dan masalah yang dihadapi oleh kumpulan sasar kementerian khususnya warga OKU. Program ini dilaksanakan melalui kaedah bersemuka iaitu mengadakan pameran di lokasi-lokasi yang dilawati oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya beliau dapat meninjau dan mendengar sendiri permasalahan yang dihadapi oleh kumpulan-kumpulan sasar kementerian.

Program SATU telah dilancarkan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 21 Julai 2014. Sejak pelancarannya, sepanjang tahun 2014, program ini telah diadakan di beberapa negeri seperti

di Pahang (Gambang), Kelantan (Pengkalan Kubur), Sarawak (Miri) dan Johor (Johor Bahru). Kehadiran Pameran SATU di semua negeri tersebut telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelbagai pihak. Pada tahun 2015, program SATU dimulakan di Beladin dan kemudian Lingga diikuti dengan Melaka, Betong dan Kuching.

Kementerian ini sentiasa berusaha untuk memastikan semua rakyat Malaysia khususnya kumpulan sasar Kementerian mendapat maklumat yang telus dan menerima pelbagai bantuan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Kementerian. Melalui program SATU ini sebarang aduan serta pertanyaan dapat dijelaskan secara terus oleh pegawai kementerian terutamanya melalui pameran yang diadakan.

Sehingga kini, Program SATU telah berjaya dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dalam menyampaikan aduan dan pertanyaan berkaitan perkhidmatan dan bantuan yang telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

234 Sukarelawan #KPWKMPrihatin Terima Sijil Penghargaan

Seramai 234 orang sukarelawan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah diraikan pada Majlis Apresiasi Sukarelawan #KPWKMPrihatin yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, di Dewan Perdana Nur, KPWKM pada 5 Mac 2015.

Sukarelawan #KPWKMPrihatin terdiri daripada kakitangan KPWKM dan agensi tanpa mengira jabatan, gred dan jawatan telah ditubuhkan bermatlamat untuk membantu meringankan bebanan rakan-rakan para petugas banjir yang telah bertungkus-lumus memberikan perkhidmatan kepada mangsa banjir yang melanda Negara baru-baru ini.

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim berkata, "Sukarelawan perlu diberikan latihan

kesukarelawan yang secukupnya agar mereka mendapat pendedahan, ilmu dan kemahiran dalam bidang sukarela. Oleh itu, Institut Sosial Malaysia (ISM), agensi di bawah KPWKM telah menggubal modul latihan kesukarelawan yang lebih komprehensif dengan kerjasama pihak universiti tempatan yang bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme para sukarelawan di Negara ini".

Tambah beliau lagi, skop sukarelawan #KPWKMPrihatin akan diperluaskan tidak terhad kepada misi bantuan banjir sahaja, tetapi juga kepada sebarang situasi yang memerlukan penglibatan sukarelawan. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Dato' Sabariah Hassan.



▲ 234 Sukarelawan #KPWKMPrihatin terima Sijil Penghargaan daripada YB Menteri



▲ Sukarelawan bergambar kenangan selepas menerima sijil penghargaan masing-masing



▲ YB Menteri menyampaikan plak penghargaan kepada YBhg. Dato' Sabariah Hassan



▲ YB Menteri menyampaikan sijil penghargaan kepada En. Fauzi Elham

PEMERKASAAN MELALUI PERNIAGAAN SOSIAL – AGENDA ASEAN

Forum khas bertemakan 'Memperkasakan Keusahawanan Sosial' telah diadakan bersempena dengan Sidang Kemuncak ASEAN kali ke-26 pada 27 April 2015 di Kuala Lumpur. Forum ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Forum ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran dan mencetus minat di kalangan para peserta terutama pasangan kepada Ketua – ketua Negara ASEAN tentang keusahawanan sosial yang merupakan suatu konsep baru yang mengguna pakai model perniagaan yang memaksimumkan keuntungan di samping dapat mengurangkan masalah sosial seperti kemiskinan, akses kepada pendidikan dan kemudahan kesihatan atau alam sekitar. Seramai 495 peserta mengambil bahagian di dalam forum ini yang terdiri daripada kedutaan antarabangsa, kakitangan kerajaan, Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO), usahawan dan pelajar universiti.

Yang Amat Berbahagia Datin Paduka Seri Rosmah Mansor berkata, "Melalui sesi perkongsian dan amalan baik dari rantau ASEAN dan antarabangsa, forum ini membincangkan tentang bagaimana syarikat mengguna pakai konsep

keusahawanan sosial yang memaksimumkan keuntungan. Lebih keuntungan yang diperoleh akan dilaburkan semula untuk digunakan bagi memastikan masyarakat setempat mendapat manfaat yang berterusan. Tambah beliau lagi, melalui advokasi yang berterusan diharapkan lebih banyak program yang menyokong keusahawanan sosial dapat dibangunkan di rantau ASEAN terutamanya yang melibatkan golongan wanita".

Di samping itu, Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, "Keusahawanan sosial memberi tumpuan kepada konsep menggunakan kaedah dan amalan perniagaan bagi mencapai suatu perubahan sosial yang positif. Konsep ini boleh membantu untuk menyelesaikan pelbagai isu sosial yang dihadapi oleh kumpulan yang terpinggir dan kurang bernasib baik".

Antara panel yang menyertai forum ini adalah Ms. Lamiya Morshed, Pengarah Eksekutif Yunus Centre, Bangladesh; YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia; dan Ms. Nurjahan Begum, Pengarah Urusan Grameen Shikka dan Grameen Shakti, Bangladesh.



DATO' SRI ROHANI TERIMA ANUGERAH GOVERNMENT LEADERSHIP AWARD DI GLOBAL SUMMIT OF WOMEN 2015

YB Dato' Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dianugerahkan *Government Leadership Award* di *Global Summit of Women 2015* yang diadakan di Sao Paulo, Brazil. Anugerah telah disampaikan oleh Madam Irene Natividad, Presiden *Global Summit of Women* semasa *Global Women's Leadership Awards Gala Dinner* yang diadakan di sini pada 15 Mei 2015 dan Malaysia merupakan negara pertama yang menerimanya.

Penganugerahan ini adalah merupakan pengiktirafan antarabangsa di atas usaha, komitmen dan perjuangan Kerajaan Malaysia dalam melaksanakan agenda pemerkasaan wanita seperti yang termaktub dalam *Beijing Declaration* dan *Platform of Action*, selain menghargai peranan serta kesungguhan kementerian dalam melaksanakan program untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Penganugerahan ini diharapkan akan dari memberi insentif dan galakan untuk Malaysia menggiatkan lagi usaha dalam memperkasakan peranan wanita di negara ini.

YB Dato' Seri Rohani sewaktu sesi *Ministerial Roundtable* yang juga merupakan platform yang disediakan kepada para Menteri untuk

berkongsi projek-projek yang dilakukan untuk pembangunan golongan wanita, turut membentangkan usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam menjayakan *Career Comeback Programme*, iaitu inisiatif Kementerian ini bersama TalentCorp. Pembentangan tersebut berjaya menarik minat rata-rata negara termasuklah Jerman, Afrika Selatan dan El Salvador yang memuji usaha Malaysia untuk memastikan peningkatan penyertaan golongan wanita dalam tenaga kerja terutamanya wanita yang terpaksa meninggalkan bidang pekerjaan demi kepentingan keluarga.

Di dalam sesi tersebut juga, YB Dato' Seri Rohani juga turut menyentuh tentang sasaran Kerajaan Malaysia untuk memastikan 30% wanita di peringkat pembuatan keputusan serta penubuhan *30% Women Club Malaysia*. Selain itu, program untuk golongan wanita yang kurang bernasib baik juga dibentangkan di mana penekanan diberi kepada konsep *productive welfare* dan *social innovation* yang dijalankan oleh Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

25º ANIVERSARIO
CUMBRE GLOBAL
DE MUJERES
2015

SAO PAULO
BRASIL

Make it Happen!



Pelancaran Perasmian Sambutan Hari Wanita Antarabangsa di Plaza Merdeka, Kuching

8Mac setiap tahun merupakan tarikh bagi memperingati wanita di seluruh dunia. Bermula pada tahun 1975 sehingga ke hari ini, setiap tahun pada tarikh tersebut, seluruh dunia akan meraikan wanita dengan pelbagai cara.

Di Malaysia, sambutan Hari Wanita Antarabangsa (HWA) 2015 telah diadakan bermula 14 Mac 2015 di Dataran Pahlawan Melaka dan berakhir pada 22 Mac 2015 di Plaza Merdeka, Kuching. Seperti kelazimannya saban tahun, HWA pada tahun ini disambut dengan penuh kemeriahan dengan pelbagai pengisian program telah dilaksanakan untuk memberikan kesedaran, pengiktirafan dan sokongan terutama kepada wanita.

Dengan konsep santai bersama keluarga di tempat awam merupakan pendekatan yang diambil oleh Kementerian untuk merakyatkan Sambutan Hari Wanita

Antarabangsa kepada pelbagai kumpulan sasar di peringkat akar umbi.

Tema HWA pada tahun ini adalah 'Make It Happen' atau 'Jadikan Kenyataan' membawa maksud menggalakkan tindakan yang efektif oleh segenap lapisan dalam memaju dan mengiktirafkan peranan kaum wanita di negara ini supaya setiap perancangan dapat direalisasikan.

Sempena HWA pada tahun ini, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah mengumumkan penubuhan Majlis Penasihat dan Perunding Wanita. Majlis ini akan bertindak sebagai badan penasihat dan perunding utama kepada Kerajaan dalam pelbagai bidang mengenai pembangunan wanita selaras dengan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Beliau berharap agar agenda wanita Negara akan lebih terarah dan fokus dengan penubuhan majlis ini.

SEJARAH HARI WANITA ANTARABANGSA (HWA)

HWA bermula seawal tahun 1909 di New York oleh Parti Sosialis Amerika sebagai tanda penghormatan kepada 1908 pekerja buruh wanita yang bekerja di kilang. Wanita ketika itu memprotes persekitaran kerja yang dikatakan tidak memihak kepada mereka. Hasil daripada beberapa usaha di peringkat antarabangsa, Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 19 Mac 1911 di Austria, Denmark, Jerman

dan Switzerland bagi menunjukkan sokongan dan penghargaan kepada golongan wanita. Sambutan itu dihadiri oleh lebih satu juta wanita dan lelaki daripada 17 negara. Pada masa sama, hak wanita diutarakan seperti hak untuk bekerja, hak mendapatkan latihan dan pendidikan, mengundi, memegang jawatan dalam kerajaan dan menghapuskan diskriminasi dalam pekerjaan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengisytiharkan 8 Mac setiap tahun sebagai tarikh sambutan HWA mulai tahun 1975 sehingga kini.



Pelancaran Perasmian Sambutan Hari Wanita Antarabangsa oleh YB Menteri dan YAB Ketua Menteri Melaka di Dataran Pahlawan Melaka Megamall



YB Menteri dalam temubual secara langsung di Malaysia Hari Ini TV3 berbicara mengenai Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2015



WANITA: PSIKOLOGI DALAM KEPIMPINAN

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menganjurkan Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita Dan Keluarga (MPWK) bertempat di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur pada 11 Mei 2015.

Konvensyen ini bertujuan menekankan pentingnya kepimpinan wanita yang dinamik dan mampu memacu perubahan melalui pendekatan psikologi dan kemahiran kepimpinan yang berkesan selain memastikan relevannya kewujudan Majlis ini dalam mendepani cabaran masyarakat masa kini.

Dalam ucapan YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, beliau menyentuh tiga perspektif yang perlu wanita sedar dan atasi dalam diri mereka iaitu atribut psiko-sosial wanita yang terlalu berpusatkan individu yang mana

menyebabkan wanita kurang motivasi atau kurang berkeyakinan untuk menerima cabaran dalam bidang kepimpinan. Kedua, berani untuk menyelami bidang kepimpinan yang berpusatkan struktur (*structure-centred*) dan yang terakhir berani mengambil alih dalam aspek yang berpusatkan budaya (*culture-centred*).

"Aspek-aspek psikologi dalam kepimpinan merupakan agenda utama dalam Konvensyen kali ini dan diharapkan dapat membantu para Pengerusi MPWK untuk menyedari bahawa kekuatan inilah yang akan membantu wanita untuk gagah berdiri dengan keyakinan dan kekuatan tanpa melangkaui batas-batas sebagai seorang wanita. Sebagai seorang pemimpin wanita, kita perlulah bijak menangani emosi agar sebarang keputusan yang dibuat adalah jelas, rasional serta tidak dipengaruhi emosi," tambah beliau.



YB Menteri berucap dalam Majlis Perasmian Konvensyen MPWK

MEMPERKASAKAN WANITA MELALUI PENUBUHAN 30% CLUB

Menyedari kepentingan wanita dalam pembangunan negara dan pembangunan sosio-ekonomi negara, kerajaan komited untuk memastikan bahawa kepakaran wanita, daya saing dan kepimpinan boleh dioptimumkan dan pada masa yang sama membawa kepada kepelbagaian dan keterangkuman sektor korporat. Pelancaran Penubuhan 30% Club oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Razak di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 8 Mei 2015 adalah momentum pertama kerajaan untuk mengiktiraf peranan penting wanita dalam pembangunan dan kemakmuran negara dan juga pemangkin untuk tindakan afirmatif bagi mencapai kepelbagaian gender dalam sektor korporat.

Format 30% Club di Malaysia adalah berdasarkan kepada model 30% Club di United Kingdom. YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim berkata, "30% Club bukan sebuah syarikat, badan-badan bukan kerajaan (NGOs) atau pertubuhan sukarela kerana mereka tidak mempunyai struktur formal sebaliknya ia adalah satu kumpulan yang terdiri daripada pemimpin perniagaan yang komited dalam menggalakkan lebih ramai wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat. Ia berasaskan pendekatan perniagaan yang diterajui, di mana penubuhan 30% Club berfungsi sebagai penghubung kerajaan bagi mencapai dasar sekurang-kurangnya 30% Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Korporat."



Barisan tetamu yang hadir dan YB Menteri sedang mendengar ucapan pelancaran daripada Perdana Menteri Malaysia

SAYA SAYANG KELUARGA SAYA

TEMA JELAJAH KELUARGA BAHAGIA 2015

JELAJAH KELUARGA BAHAGIA (JKB) adalah usaha kesinambungan berterusan Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) untuk meningkatkan penglibatan semua peringkat masyarakat secara inklusif dalam mengutamakan perspektif keluarga bersama kerajaan tidak kira samada swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), komuniti masyarakat dan ibu bapa sebagai pemimpin keluarga. Majlis Perasmian Jelajah Keluarga Bahagia telah diadakan di Pusa, Sarawak pada 15 Mac 2015.

Program bertemakan "Saya Sayang Keluarga Saya" dan berkonsepkan karnival adalah bertujuan untuk mengajak setiap ahli keluarga dan masyarakat supaya kembali memberi keutamaan kepada keluarga sebagai fitrah (*back to basics*) dalam setiap perancangan dan tindakan dalam kehidupan.

Sebanyak 50 rakan strategik termasuk agensi kerajaan, swasta, NGO serta syarikat korporat terlibat di 10 lokasi Jelajah Keluarga Bahagia 2015 bermula di Pusa kemudian ke Miri, Sibu dan Kuching bagi Negeri Sarawak, Menumbok dan Sandakan bagi Sabah serta di Semenanjung Malaysia yang terbahagi kepada zon Tengah di Perak, zon Selatan di Melaka, zon Pantai Timur di Terengganu dan zon Utara di Kedah.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga turut bersama-sama di 10 lokasi JKB dan memperkenalkan program Klik Dengan Bijak (KDB) dalam usaha untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keselamatan serta penggunaan internet ke arah yang lebih positif dan lebih berwaspada dengan jenayah siber.



Bergambar kenangan selepas Perasmian Jelajah Keluarga Bahagia yang pertama di Pusa, Sarawak




YB Menteri Bersama kanak-kanak selepas Perasmian JKB 2015 di Bekenu



Pelancaran JKB di Melaka

YB Menteri Menandatangani buku pelawat di Pameran SATU sempena JKB 2015 di Bekenu



Sesi memotong kek sempena Hari Ibu di JKB 2015, Melaka



Sambutan Hari IBU

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mengadakan Sambutan Hari Ibu di Mydin Gong Badak, Kuala Terengganu pada 10 Mei 2015 dengan tema "Saya Sayang Ibu Saya."

Hasil tinjauan yang dijalankan terhadap 200 responden wanita, 99% merasa diri mereka dihargai dan disayangi oleh anak masing-masing dengan 35% menyatakan melalui pemberian hadiah atau wang dan diraikan sempena hari lahir. Manakala 25% bersetuju rasa dihargai apabila dipeluk dan dicium dan 20.7% rasa dihargai apabila sentiasa dihubungi anak-anak.

"Sebab itulah saya sering menekankan pelukan 10 saat dalam kalangan ahli keluarga kerana ia mampu membuatkan kita dihargai," YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata sewaktu merasmikan program tersebut.

YB Dato' Sri Rohani turut menyampaikan 10 anugerah cemerlang sebagai penghargaan bagi mengiktiraf para ibu selain menjadi role model kepada ibu-ibu lain dalam mendidik anak-anak. Sambutan Hari Ibu turut diadakan di Melaka, Kelantan, Kuala Lumpur, Kuching, Institut Pendidikan Guru (IPG) Perlis dan Institut Latihan dan Perindustrian (ILP) Labuan.



YB Menteri menyampaikan Anugerah Ibu Cemerlang pada sambutan Hari Ibu dan JKB 2015 di Kuala Terengganu



Kehadiran orang ramai dan aktiviti pentas sepanjang Sambutan Hari Ibu di Kuala Terengganu



Bantuan
Orang Tua
BOT
RM300
sebulan

Bantuan
Alat Tiruan/
Alat Sokongan
BAT/AS



PAWE@UTC

Kami prihatin terhadap keperluan mereka,
anda bagaimana?

"Hormati dan sayangi mereka
seperti mana suatu hari nanti
anda juga ingin dihormati
dan disayangi"

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

www.kepwkm.gov.my




Perkhidmatan
Institusi

JKM

Rumah
Seri Kenangan

RSK

& Rumah
Ehsan



**Home
Help**

Program
Khidmat Bantu
Di Rumah

UPWE

Unit
Penyayang
Warga Emas

PAWE dan PDK Lahirkan Masyarakat Aktif, Positif dan Produktif



YB Menteri menanam pokok sebagai simbolik Perasmian PAWE dan PDK Lingga

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa merencana pelbagai program di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

Ia adalah sebagai salah satu langkah Kerajaan melalui Kementerian ini untuk mencorak pembangunan dan pendampingan sosial bagi melahirkan masyarakat yang aktif, positif dan produktif selain menjadikan antara aktiviti tersebut sebagai salah satu intervensi awal untuk pemulihan dan kemajuan orang kurang upaya (OKU).

Bercakap ketika merasmikan Majlis Perasmian PAWE dan PDK Lingga pada 1 Mac 2015, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim berkata, pelbagai aktiviti akan dijalankan di sini termasuk kemudahan kepada warga emas dan OKU menerusi sokongan pelbagai jabatan, sektor swasta dan komuniti setempat.

"Saya amat berharap agar kerjasama dan kesungguhan Jawatankuasa PAWE dan PDK bersama Kerajaan Negeri Sarawak melalui JKM Negeri dapat diteruskan dan dipertingkatkan pencapaiannya demi kebajikan dan kesejahteraan hidup masyarakat," ujar beliau lagi.

Dalam majlis yang sama, beliau juga turut menyampaikan sumbangan bernilai RM25,000 kepada 25 orang kakitangan KPWKM di Sarawak yang terlibat sebagai mangsa banjir yang diwakili oleh Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN).

"Penghargaan dan sumbangan ini juga adalah sebagai tanda keprihatinan Kementerian terhadap pegawai dan kakitangan termasuk keluarga yang menjadi mangsa banjir dan saya amat berharap agar ia mampu meringankan beban kewangan dan emosi yang ditanggung selain bantuan ihsan yang akan diberikan oleh Kerajaan," kata YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim.

Produk Rekabentuk Sejagat Mesra Pengguna

Keperluan terhadap produk yang mempunyai reka bentuk sejagat dan mesra pengguna termasuk warga emas, kanak-kanak, ibu mengandung dan orang kurang upaya (OKU) amat penting pada masa kini sejajar dengan arus kemodenan yang serba canggih.

Menyedari hakikat tersebut, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menghasilkan idea untuk menubuhkan *Universal Design Product Showcase*. Maka dengan itu, pada 23 Mac 2015, YB Datuk Paduka Hajah Azizah Mohd Dun, Timbalan Menteri KPWK telah merasmikan *Universal Design Product Showcase* di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi.

Kejayaan penubuhan showcase ini juga adalah hasil kerjasama padu bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Majlis Rekabentuk Malaysia. Projek ini juga telah memberi satu perubahan paradigma kehidupan kepada kumpulan sasar JKM bukan sahaja kepada OKU malahan kanak-kanak dan warga emas juga akan turut menikmati faedah daripada penggunaan peralatan

berasaskan konsep rekabentuk sejagat. Penubuhan showcase ini adalah merupakan hasil terjemahan daripada komitmen kerajaan terhadap Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya 2006 iaitu Obligasi No. 4 untuk mempromosi dan menjalankan penyelidikan dan pembangunan (RnD) ke atas produk, perkhidmatan, peralatan dan kemudahan berkonsepkan rekabentuk sejagat dan penubuhannya amat bertepatan dengan keperluan semasa di Malaysia terhadap produk-produk sebegini.



YB Timbalan Menteri melawat ke Universal Design Showcase dan melihat produk-produk yang dipamerkan selepas majlis pelancaran.

PRINSIP REKABENTUK SEJAGAT



CAREER COMEBACK!



YB Menteri merasmikan Career comeback!

Kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited bagi meningkatkan penglibatan golongan wanita dalam pasaran kerja di negara ini.

Menteri KPWKM, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim berkata, kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak menyasarkan peningkatan wanita dalam pasaran kerja.

Bagaimanapun, rekod tahun 2013 menunjukkan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan hanya pada kadar 52.4 peratus, hampir separuh daripada wanita Malaysia dalam lingkungan umur 25 hingga 39 tahun tidak berada dalam pasaran kerja. Beliau menambah, fenomena itu menjejaskan sasaran kerajaan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja kepada 55 peratus menjelang akhir tahun ini.

"Wanita tidak boleh lari daripada melunaskan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu. Bagaimanapun, kita perlu mencari kaedah untuk mengimbangi peranan itu dengan kerjaya."

"Di sinilah peranan kementerian dalam memperkenalkan pelbagai program supaya majikan menyediakan lokasi kerja yang mesra untuk golongan wanita

berumah tangga dan tempoh bekerja yang fleksibel," ujar beliau lagi.

Justeru, Kementerian ini melalui usaha sama bersama Talent Corporation Malaysia Bhd. (TalentCorp) telah berjaya menganjurkan Program Kembali Bekerjaya 2015 bertempat di dewan Connexion@Nexus Bangsar, Kuala Lumpur pada 3 Mac 2015 bertujuan bagi membuka ruang kepada suri rumah tangga yang pernah bekerja kembali dalam sektor pekerjaan, sekali gus menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Pameran yang disertai pelbagai syarikat swasta antaranya, Kumpulan Maybank, Shell Malaysia, Kumpulan Sunway dan Kumpulan Pendidikan Taylors ini telah berjaya menghimpunkan lebih daripada 500 wanita yang pernah bekerja untuk hadir menjalani sesi temu duga secara terbuka bagi membolehkan majikan untuk bertemu secara langsung dengan golongan wanita

Selain pameran, Kementerian ini dan TalentCorp turut melancarkan geran kembali bekerja bernilai RM10 juta bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat di negara ini menyediakan peluang pekerjaan untuk suri rumah yang mahu kembali bekerja selaras dengan hasrat Kerajaan bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam pasaran kerja.

PELUANG KERJAYA KEPADA GOLONGAN OKU

Seramai 200 orang peserta hadir ke program Seminar Sokongan Pekerjaan dan Job Coach Peringkat Asia Pasifik 2015 bagi membincangkan mengenai isu golongan orang kurang upaya (OKU) yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Japan International Cooperation Agency Malaysia (JICA)

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, melalui usaha perkongsian yang strategik bersama Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Tenaga Kerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOSCO), sektor swasta dan NGO telah membantu mengukuhkan pelaksanaan dalam usaha mempromosikan peluang pekerjaan di kalangan OKU di seluruh

Negara, di mana ia membawa banyak input positif serta sumber yang membantu dalam pembangunan sokongan di Malaysia.

Pelbagai penambahbaikan telah berjaya diperkenalkan dan dilaksanakan seperti pengenalan terhadap Pekeliling Tabung Pembangunan Sumber Manusia Bil. 3/2010 bagisubsisiLatihanJobCoachdanPeruntukan Perkhidmatan, JKM juga memberikan elaun kepada setiap pekerja, serta pelantikan pegawai yang bertanggungjawab dalam mengendalikan Job Coach.

"Melalui dasar 1 peratus (%), setiap badan kerajaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam perlu mengambil khidmat OKU untuk bekerja sekurang-kurangnya 1 peratus (%) daripada keseluruhan penjawat awam di jabatan mereka," kata Rohani.



Antara peserta yang hadir ke Program Seminar Sokongan Pekerjaan dan Job Coach Peringkat Asia Pasifik 2015

LENSA

**8 JANUARI
2015**

Operasi pasca banjir
pembersihan surau
dan rumah penduduk
di Maran, Pahang
bersama YB Timbalan
Menteri dan Sukarelawan



**18 JANUARI
2015**

YB Dato' Sri Rohani Abdul
Karim merasmikan
**27th KIWANIS CHILDREN'S
Party 2015** di Surf Deck,
Taman Tema Sunway Lagoon



**8 JANUARI
2015**

Misi pasca banjir
Ketua Setiausaha
KPWKM ke Perak
bersama PERWANI
Shah Alam.



**16 JANUARI
2015**

Pemunggahan bekalan
bantuan banjir oleh Smart
Team #KPWKMPrihatin dan
Jabatan Bomba Malaysia.



**24 JANUARI
2015**

Program Santai Kopi O
PERWANI Shah Alam
Bersama YB Dato' Sri
Rohani Abdul Karim
di Galeri Shah Alam



**18 JANUARI
2015**

Operasi pasca banjir serta
penyerahan sumbangan
kepada penduduk
di Dabong Kuala Krai,
Kelantan, oleh YB
Timbalan Menteri serta
sukarelawan JKM dan
UNILEVER.



**25 JANUARI
2015**

YB Menteri dalam lawatan kerja ke negara Brunei Darussalam



**29 JANUARI
2015**

Network of Social Service Agencies (NOSSA) - ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC) Country Consultation



**01 FEBRUARI
2015**

Karnival Warga Emas anjuran PAWE UTC Perak di Padang Polo Ipoh, Perak



**06 FEBRUARI
2015**

Lawatan rasmi Ibu Iriana Joko Widodo isteri kepada TYT Presiden Republik Indonesia ke Pusat Anak Permata Negara, Putrajaya

**08 FEBRUARI
2015**

YB Timbalan Menteri bersama anak-anak yatim sempena Tahun Baru Cina 2015



**09 FEBRUARI
2015**

Mesyuarat Penyelarasan Bencana Bersama YB Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu dan Kerajaan Negeri Sarawak




**09 FEBRUARI
2015**

Lawatan rasmi YB Menteri dan YBhg Ketua Setiausaha ke rumah TZU CHI DI Manek Urai Lama, Kuala Krai, Kelantan




**10 FEBRUARI
2015**

Mesyuarat Penyelaras Bantuan Bencana oleh YB Menteri Bersama Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah




**12 FEBRUARI
2015**

Seminar Diversion Model (Experience from the United Kingdom)




**16 FEBRUARI
2015**

Bengkel Isu Kesejahteraan Lelaki



**27 FEBRUARI
2015**

Program SATU sempena Majlis Pecah Tanah Tapak Dewan Masyarakat, Beladin




**03 MAC
2015**

Kunjungan Hormat oleh Duta Besar Sudan ke KPWK




07 MAC
2015



Rancangan
"Apa Kata Wanita"
di Wisma TV Angkasapuri
sempena Sambutan
Hari Wanita Antarabangsa




09 MAC
2015



Istiadat Pembukaan
Penggai Ketiga Majlis
Parlimen Yang Ketiga Belas
2015 di Bangunan Parlimen
Kuala Lumpur




12 MAC
2015



NGO's Networking
Appreciation of Leaders
di Sunway Hotel



20 MAC
2015



YB Menteri menerima
Anugerah Fellow Kehormat 1
dalam Majlis Mengiktiraf "Ikon
Unggul Negara 2015" dan
Pelancaran Tabung Bencana
IKWAM daripada
DYMM Raja Permaisuri Perlis



02 APRIL
2015



Kempen **LIGHT IT UP BLUE**
sempena Hari Kesedaran
Autisme



13 APRIL
2015



48th Session of the
Commission on Population
and Development
@ United Nations, New York



**20 APRIL
2015**



Lawatan YB Timbalan Menteri KPWK ke Rumah Perlindungan Kanak-kanak JKM




**23 APRIL
2015**



YB Timbalan Menteri menyampaikan sijil kepada peserta-peserta Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi yang telah tamat latihan



**01 MEI
2015**



Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2015 @ Kuching, Sarawak




**11 MEI
2015**



Gambar Kenangan Barisan Ketua Setiausaha Kementerian bersama Ketua Setiausaha Negara YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa




**13 MEI
2015**



Mesyuarat MPT dan Lawatan Kerja YBhg Ketua Setiausaha ke Banghunis Homestay Sepang



**15 MEI
2015**



Himpunan Romantika SMARTSTART "Semarakkan Cinta 2015" di Libra Star Cruise, Pulau Pinang



**23 MEI
2015**



YB Menteri melawat pameran SATU sempena Hari NBOS di KLCC



**24 MEI
2015**



YAB Timbalan Perdana Menteri dan YB Timbalan Menteri bertemu dengan pelukis autisme di Pameran SATU sempena Perasmian Hari Unesco 2015



**27 MEI
2015**



Majlis Makan Malam ASEAN Regional Forum on Disaster Relief Exercises di Alor Setar, Kedah



**SATU
SUARA ANDA
TANGGUNGJAWAB
UTAMA**

**HUBUNGI KPWKM
15999**



<http://www.kpwkm.gov.my>

f kpwkm @kpwkm @kpwkm
f Meet Mynsterz @meetmynsterz

#Perkhidmatan Kaunter
#Kaunter Pendaftaran
#Kaunter Pertanyaan
#Pemeriksaan Kesihatan


**SATU
PLATFORM
BERBENTUK
HARI BERTEMU
PELANGGAN**

**SATU
PLATFORM
WARGA KPWKM
BERTEMU
KUMPULAN
SASAR**

**SATU
PLATFORM
KOMUNIKASI
BERSEMUKA
MENJELASKAN
TENTANG
PERANAN,
FUNGSI
DAN
PERKHIDMATAN
KPWKM**

**SATU
PLATFORM
BAGI RAKYAT
MEMBUAT
ADUAN,
KOMEN
ATAU MENDAPAT
PENJELASAN
MENGENAI
PERKHIDMATAN DAN
BANTUAN
YANG DISEDIAKAN**

Terbitan Buku Terkini @ Perpustakaan KPWKM




BRAINRUSH BY RICHARD BARD

Brainrush meneroka ikatan persahabatan, melangkaui sempadan sains, menjadikan buku ini sebuah kisah seram penuh aksi yang mendebarakan.

PROFESSIONAL DEVELOPMENT IN SOCIAL WORK, COMPLEX ISSUES IN PRACTICE EDITED BY JANET SEDEN, SARAH MATTHEWS, MICK MCCORMICK AND ALUN MORGAN

Amalan praktis pekerja sosial di abad ke-21 sentiasa berubah dan penuh cabaran. Buku ini dapat menjadi panduan kepada pekerja sosial yang telah bertauliah serta mereka yang berminat untuk menyertai kerjaya ini untuk membina pengetahuan mereka dalam usaha untuk membangunkan kerjaya mereka secara lebih profesional.




MELAKAR SYURGAWI IDAMAN OLEH SAAT SULAIMAN

"Rumahku, Syurgaku". Satu ungkapan yang sangat sinonim dalam masyarakat kita. Namun, berapa ramai yang benar-benar menghayati dan memahami makna di sebalik ungkapan tersebut? Jika ungkapan ini benar-benar diamalkan, dihayati dan difahami oleh setiap keluarga nescaya tiada masalah sosial yang perlu dirisaukan masyarakat. Buku ini harus dimiliki sebagai panduan bersama ahli keluarga agar setiap daripada kita dapat memainkan peranan masing-masing demi pembangunan ummah yang berjaya dunia dan Akhirat.

MENCARI JALAN KE SYURGA OLEH HASLIZA ISMAIL

Satu kemalangan tragis telah meragut semua yang Khirana miliki; ingatannya dan juga insan tercinta. Setelah dua tahun koma, dia bangkit semula lalu bertatih untuk memulakan hidup baharu dan berubah menjadi insan yang berbeza.



5 TERAS KELUARGA BAHAGIA

Sihat & Selamat
Akhlak
Kasih Sayang
Ilmu
Harmoni

Pengamalan 5 Nilai Teras Keluarga Bahagia

seharusnya dipupuk di peringkat awal kanak-kanak dan terus dihayati untuk dijadikan panduan kepada setiap ahli keluarga terutama ketika mendepani pelbagai cabaran dan rintangan yang wujud. Penerapan nilai teras keluarga dapat diperkukuhkan lagi melalui usaha, tindakan dan perlakuan positif yang seharusnya ditunjukkan melalui pelbagai cara seperti sentuhan, belaian, kata-kata ucapan dan sebagainya.

- Menerima anak seadanya
- Tidak membezakan kasih sayang antara anak-anak
- Mengambil berat dan peka dengan perubahan anak-anak

KASIH SAYANG



Perkahwinan dan ikatan yang kukuh hasil **IKATAN** hubungan suami dan isteri yang intim menjadi tunjang kepada usaha membangun **POTENSI** dan aspirasi keluarga

AKHLAK

Sahsiah keluarga berpanduan kepada nilai agama, integriti & disiplin keluarga

- Rajin beribadah dan menjalankan suruhan agama
- Berbuat baik sesama manusia
- Hormati ibu bapa



SIHAT & SELAMAT

Mengamalkan gaya hidup sihat serta peka kepada keselamatan keluarga dan persekitarannya

- Tidak mengambil bahan-bahan yang boleh merosakkan diri (dadah atau arak)
- Mengawal emosi marah, cemburu, dendam dan lain-lain
- Mengawal kehendak/nafsu yang merugikan diri dan keluarga

ILMU

Menerapkan budaya ilmu dan sentiasa meningkatkan kemahiran keibubapaan dan ilmu kesejahteraan hidup

- Memperuntukkan masa untuk membaca
- Menghadiri majlis-majlis ilmu
- Menyediakan ruang bacaan di rumah



Perhubungan sesama ahli keluarga dan sanak saudara dengan interaksi yang sihat antara generasi dan komuniti masyarakat

- Menjaga hati kedua ibu bapa dan datuk nenek
- Tiada diskriminasi terhadap perbezaan gender
- Menghormati sesama jiran



HARMONI

Pusat panggilan sehenti **PERCUMA**
Beroperasi **24 jam sehari**
Selama **365 hari setahun**
Boleh diakses melalui **talian tetap,**
telefon bimbit dan **telefon awam**



Untuk maklumat lanjut,
sila layari ke laman:

☎ 15999
✉ taliannur@kpwkm.gov.my
🌐 <http://www.jkm.gov.my/content.php>
📺 Talian NUR
💬 (TALIANNUR>jarak< ADUAN>jarak<aduan anda>
hantarkan ke 15888)
💬 WebChat melalui laman web KPWK (http://www.kpwkm.gov.my/social-media).

ONE STOP centre



SEGALANYA Di Sini..!

PERKHIDMATAN KAUNTER BAGI MEMUDAHKAN
PELANGGAN MENDAPATKAN PERKHIDMATAN
YANG DITAWARKAN OLEH JABATAN/AGensi
DI BAWAH KPWK



- Mewujudkan keseragaman berkaitan perkhidmatan dan semakan status permohonan
- Penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan
- Perkhidmatan bersemuka yang mesra rakyat

WAKTU:
8.30 PAGI - 5.00 PETANG (ISNIN-JUMAAT)
HOTLINE: 03-8323 1782/1783/1784

Bertempat:
ONE STOP CENTRE (OSC), ARAS G
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA
KELUARGA DAN MASYARAKAT
NO. 55, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62100 PUTRAJAYA



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

No. 55, Persiaran Perdana Presint 4,
62100 Putrajaya, Malaysia

T : +603 8000 8000

F : +603 8323 2000



www.kpwkm.gov.my



KPWKM



KPWKM



KPWKM

ISSN 2289-9502



9 772289 950000 >